Bahagian A [20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1

	Subkeluarga bahasa
I	Toraja
II	Sumatera
III	Ambon-Timur
IV	Sulawesi Selatan

	Contoh bahasa
P	Aru
Q	Wotu
R	Bugis
S	Nias

Yang manakah padanan yang betul antara subkeluarga bahasa dengan contoh bahasanya?

	I	II	III	IV
A	*Q*	*S*	*P*	*R*
B	*S*	*P*	*R*	*Q*
C	*R*	*S*	*Q*	*P*
D	*P*	*Q*	*S*	*R*

2 Yang manakah batu bersurat yang ditulis dalam huruf Nagiri?

A Batu bersurat di Gandasuli, Jawa Tengah

B Batu bersurat di Talang Tuwo, Palembang

C Batu bersurat di Kota Kapur, Pulau Bangka

D Batu bersurat di Kedukan Bukit, Palembang

3 Pilih pasangan perkataan yang kedua-duanya digunakan dalam bahasa Melayu kuno.

A Dgan, bhulan

B Merlari, niminum

C Niperwuat, bumi

D Niwunuh, marlapas

4

Syahadan, anjing baginda yang bernama si Pasai itu pun mati di situ. Maka baginda pun menamakan negeri itu dengan sebutan Pasai hingga datang sekarang ini. Kemudian, baginda pun menabalkan anakanda baginda yang bernama Malikul Tahir itu menjadi raja di negeri Pasai.

Yang manakah pernyataan yang benar tentang petikan klasik di atas?

I Terdapat penggunaan partikel

II Terdapat penggunaan ayat aktif

III Terdapat penggunaan ayat pasif

IV Terdapat penggunaan ayat songsang

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

5 Perakuan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tercatat dalam

I Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152

II Akta Bahasa Kebangsaan, 1963/67

III Penyata Rahman Talib

IV Penyata Razak

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

6 Yang manakah karya yang dihasilkan oleh Raja Ali Haji?


A Pelita Bahasa

B Daftar Ejaan Melayu

C Kitab Pengetahuan Bahasa

D Buku Ketetapan Hejaan Melayu

7



[*X*] dalam carta di atas ialah

A Angkatan Sasterawan 50

B Pejabat Karang Mengarang

C Dewan Bahasa dan Pustaka

D Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa

8

	Proses perancangan bahasa
I	Pemasyarakatan
II	Pengekodan
III	Penilaian
IV	Pemupukan

	Maksud
P	Usaha mengembangkan bahasa agar tercapai kaedah saling terjemah
Q	Peninjauan terhadap kesan perancangan bahasa
R	Usaha ke arah penyerapan variasi bahasa
S	Pendedahan hasil perancangan kepada pengguna

Yang manakah padanan yang betul antara proses perancangan bahasa dengan maksudnya?

	I	II	III	IV
A	*R*	*Q*	*P*	*S*
B	*S*	*R*	*Q*	*P*
C	*Q*	*S*	*P*	*R*
D	*P*	*S*	*Q*	*R*

13

- Hujung lidah ditemukan ke gigi-gusi untuk membuat sekatan.
- Udara yang tersekat pada bahagian pertemuan itu dilepaskan dengan serta-merta.
- Pita suara tidak bergetar.

Yang manakah kumpulan perkataan yang kesemuanya mengandungi bunyi yang dihasilkan dengan cara di atas?

A Tarah, putus, sekat

B Dasar, talam, kotak

C Tabur, indah, tekad

D Badak, duta, mantap

14

Bahagian hadapan lidah diturunkan serendah-rendahnya dan udara dari paru-paru keluar tanpa sekatan. Bibir dihamparkan, pita suara bergetar, dan lelangit lembut dinaikkan.

Pernyataan di atas merujuk kepada cara penghasilan vokal yang terdapat dalam kata

A bilik

B balak

C bolos

D buluh

15 Yang manakah kumpulan perkataan yang kesemuanya mengandungi bunyi separuh vokal?

A Cadang, yakin, larang

B Wajah, kawah, bayang

C Bawang, parang, payung

D Pawang, kampung, kenyang

16 Yang manakah perkataan yang mengandungi konsonan sengau gusi?

I Sunyi

II Timun

III Lontar

IV Tangga

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

Bahagian B [30 *markah*]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab semua soalan.

Sebuah syarikat telah mengeluarkan satu laporan penilaian yang dinamakan Indeks Kehijauan Asia (Asia Green Index). Laporan tersebut berkaitan dengan penilaian prestasi persekitaran bagi 22 bandar utama di rantau Asia, termasuk Kuala Lumpur. Menurut laporan itu, persekitaran di Kuala Lumpur secara keseluruhannya adalah sederhana, sama seperti bandar raya ternama di Asia, iaitu Beijing, Shanghai, Bangkok, dan Jakarta. Walau bagaimanapun, jika dilihat secara terperinci, aspek pengangkutan dan kualiti udara di Kuala Lumpur melebihi tahap sederhana. Sebagai rakyat Malaysia, kita berbangga dengan pencapaian ini memandangkan sistem pengangkutan dan kualiti udara di Kuala Lumpur diletakkan sama taraf dengan Tokyo, Singapura, Hong Kong, dan Yokohama. Bagi aspek penggunaan tanah dan bangunan serta tadbir urus alam sekitar pula, prestasi Kuala Lumpur adalah sederhana, sama seperti Beijing, Delhi, dan Jakarta.

Selain itu, laporan itu juga menyatakan bahawa beberapa perkara perlu dibaiki dan diberikan perhatian, terutamanya dalam hal yang berkaitan dengan bahan buangan dan penjagaan kebersihan air. Menurut laporan itu, Kuala Lumpur berada di bawah paras sederhana bagi kedua-dua aspek tersebut. Hal ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang mengejutkan, terutamanya bagi mereka yang terlibat dalam industri air. Sebagai sebuah negara tropika, Malaysia mempunyai sumber air yang pelbagai, meliputi sungai dan alur, tasik, kolam, takungan air, air bawah tanah, dan air telaga. Kita juga menerima taburan hujan yang banyak sepanjang tahun, terutamanya pada bulan Oktober hingga Mac. Sebagai kesannya, ramai anggota masyarakat kita kurang menghargai air jika dibandingkan dengan mereka yang tinggal di negara-negara yang mengalami kekurangan air.

Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita harus ingat bahawa sumber air tidak akan pupus tetapi sumber air mentah yang boleh digunakan dengan selamat kini semakin berkurang. Sebagai bukti, mengikut kajian pada tahun 2007, hanya 20.7% sungai di Semenanjung Malaysia dikategorikan sebagai bersih. Telah dibuktikan juga bahawa sebanyak 19 000 tan sisa beracun telah dibuang di tapak pelupusan sampah setiap hari, dan kawasan tersebut kebanyakannya berdekatan dengan sungai.

Proses urbanisasi yang disebabkan oleh pembangunan pesat negara juga merupakan satu daripada punca sumber bekalan air bersih di negara ini semakin berkurang. Hal ini berlaku disebabkan proses urbanisasi dan pembangunan yang begitu pesat, terutamanya di bandar-bandar besar hingga menyebabkan berlakunya perubahan penggunaan tanah bagi menampung keperluan kegiatan ekonomi, kemudahan sosial, dan prasarana lain yang berkaitan. Perubahan penggunaan tanah menyebabkan sungai terdedah kepada pelbagai tekanan yang secara tidak langsung menyebabkan sistem sungai berubah dari segi kualiti.

Kita perlu melihat laporan Indeks Kehijauan Asia tersebut secara positif, khususnya dalam hal yang berkaitan dengan isu bahan buangan dan penjagaan air bersih. Kita harus mencari jalan yang berkesan untuk memperbaik kedudukan kita dalam penilaian tersebut. Hal ini penting bukan sahaja untuk menjaga imej negara tetapi juga untuk keselesaan kita.

(Disesuaikan daripada *Memakmurkan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama* oleh Tan Sri Rozali Ismail, Pengerusi Eksekutif Puncak Niaga Holding Berhad, Utusan Malaysia)

21 Berikan **dua** prestasi persekitaran Kuala Lumpur berdasarkan laporan Indeks Kehijauan Asia. [4]

22 Mengapakah rakyat Malaysia kurang menghargai air? [2]

23 Berdasarkan petikan, jelaskan **dua** punca timbulnya masalah air di negara ini. [4]

24

> Kita harus mencari jalan yang berkesan untuk memperbaik kedudukan kita dalam penilaian tersebut. (Baris 37-38)

Berikan langkah yang sesuai untuk mencapai hasrat itu. Panjang jawapan anda hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan. [20]

Bahagian C [50 *markah*]

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah.

25 Kerja-kerja sukarela mendatangkan pelbagai manfaat kepada masyarakat. Walaupun begitu, sesetengah anggota masyarakat kita kurang berminat untuk menyertainya. Pada pendapat anda, mengapakah mereka bersikap demikian?

26 Kejadian jenayah di negara ini, khususnya di kawasan yang berisiko tinggi dari segi kekerapan berlakunya jenayah masih membimbangkan. Jelaskan langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan tahap keselamatan awam di negara ini.

27 Sikap suka membuang sampah sarap di merata-rata tempat oleh sesetengah anggota masyarakat yang tidak bertanggungjawab tentang kebersihan alam sekitar boleh mendatangkan kesan buruk. Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk menjaga kebersihan alam sekitar?

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta